

21/01/2000

Pemuda Sabah setuju saranan MT

KOTA KINABALU, Khamis - Pemuda Umno Sabah hari ini mengambil ketetapan sebulat suara menyokong cadangan ahli Majlis Tertinggi (MT), supaya jawatan Presiden dan timbalannya tidak dipertandingkan dalam pemilihan parti Mei ini.

Dalam masa sama, pergerakan itu mahu semua pihak mematuhi pendirian Exco Pemuda Umno serta keputusan semua Ketua Pemuda negeri supaya Datuk Hishammuddin Tun Hussein, tidak dicabar dalam pemilihan Ketua Pemuda Umno Kebangsaan.

Ketua Pemuda Umno Sabah, Juhari Janan, berkata pihaknya bersetuju bahawa wujud kebimbangan parti akan menghadapi risiko perpecahan dan menggugat perpaduan ahli parti sekiranya jawatan Presiden dan timbalannya, dipertandingkan.

Katanya, perpecahan itu juga akan menggugat perpaduan orang Melayu dan Bumiputera sekali gus mendorong keadaan ketidakstabilan politik dan ekonomi negara kerana Umno adalah parti tunjang kepada kerajaan Barisan Nasional (BN).

Menurutnya, kestabilan dalam Umno sekarang penting kerana ia memerlukan usaha pengukuhan semula selepas melalui detik sukar serta pelbagai tekanan baru-baru ini.

"Bagi jawatan Ketua Pemuda Umno Pusat pula, kami berpendapat Hishammuddin sudah berjaya dalam usahanya menyatu padukan seluruh ahli pergerakan itu sejak memangku jawatan berkenaan pada akhir 1998, serta mempunyai kewibawaan meneruskan agenda perjuangan Pemuda pada alaf baru," katanya.

Bercakap pada sidang akhbar di pejabat Badan Perhubungan Umno negeri di bangunan Kuwasa di sini hari ini, Juhari berkata pergerakan itu juga bersetuju bahawa Umno tidak perlu masuk ke Sarawak kerana pemimpin negeri itu mampu untuk mengemudi serta mengukuhkan politik dan kerajaan negeri melalui parti-parti komponen BN Sarawak.

Sehubungan itu, katanya, Pemuda Umno Sabah meminta isu mengenai kemasukan Umno ke Sarawak dihentikan kerana perkara itu menjadi budi bicara pemimpin BN khususnya Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB) yang diketuai Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Abdul Taib Mahmud.

"Oleh itu, kami juga meminta semua pemimpin Umno di Sabah agar tidak masuk campur dalam isu berkenaan dengan memberikan ulasan atau komen mengenai perkara itu," katanya.

Minggu lalu, bekas Menteri Pertahanan dan Timbalan Presiden PBB, Datuk Abang Abu Bakar Mustapha, menyatakan kesediaan bergiat semula dalam politik termasuk membawa masuk dan menerajui Umno Sarawak, sekiranya rakyat negeri itu mahu beliau berbuat demikian.

Sehari selepas itu, Taib yang juga Pengerusi BN Sarawak, berkata hasrat Abang Abu Bakar itu bertentangan dengan dasar BN dan parti Umno sendiri kerana mendakwa Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sendiri sudah beberapa kali menyifatkan PBB yang menjadi parti tunjang BN Sarawak adalah sama seperti Umno dalam BN Pusat.

Selasa lalu, bekas Ketua Menteri Sabah, Datuk Harris Salleh, menyangkal dakwaan Taib bahawa PBB adalah menyerupai Umno, sebaliknya menyokong saranan supaya Umno masuk ke Sarawak.

(END)